

Total Logistic Services (M) Sdn Bhd (TLS) telah mengadakan kerjasama dengan LUAS membersihkan Sungai Gombak pada 26 November 2011 yang lalu. Seramai 101 orang sukarelawan telah terlibat dalam program setengah hari tersebut dimana beberapa aktiviti seperti ceramah kesedaran kitar sisa minyak masak kepada biodisel dan program Qua-Qua iaitu pengecaman kualiti air sungai melalui bio-indikator dan ujian kimia juga turut diadakan. Secara keseluruhannya program ini telah mencapai matlamatnya dalam usaha TSL melaksanakan tanggungjawab korporat (CSR) mereka terutama dalam memulihara sumber air dan alam sekitar.

